



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN KEWANGAN  
PERIBADI**

**KOD KURSUS : DPI3223**

**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
  - BAHAGIAN A (10 Markah)
  - BAHAGIAN B (30 Markah)
  - BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan
  - iii. Kertas Jawapan Objektif

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Berikut yang manakah **bukan** jenis-jenis sumber pendapatan ?
  - A Upah.
  - B Faedah.
  - C Perbelanjaan.
  - D Bayaran pindahan.
  
2. Apakah fungsi pelan persaraan bagi membantu seseorang individu ?
  - A Menyimpan maklumat tentang aktiviti kewangan dan aktiviti sosial.
  - B Mengukur prestasi dalam mencapai matlamat kewangan dalam bentuk jangka pendek sahaja.
  - C Menyediakan maklumat yang boleh digunakan untuk mengisi borang cukai atau permohonan perumahan sahaja.
  - D Merancang kewangan ketika usia sudah meningkat dan tidak bekerja lagi bagi menampung kos sara hidup selepas persaraan.
  
3. Semua pernyataan berikut adalah tidak benar berkenaan hutang dalam Islam **kecuali** :
  - A hutang piutang yang dilakukan mestilah ditulis dan dipersaksikan oleh ahli keluarga sahaja.
  - B punca seseorang berhutang adalah kerana terlalu melayan nafsu tanpa mengabaikan kemampuan diri.
  - C memberikan pengurangan nilai bayaran apabila pihak yang berhutang mengalami kesulitan dalam pembayaran hutangnya.
  - D kekurangan ilmu pengurusan wang dan aliran tunai menyebabkan seseorang berbelanja sesuka hati tanpa rasa prihatin tentang kemampuan kewangan diri.

4. Apakah jenis caj yang dikenakan ke atas perkhidmatan kad kredit?
- A Yuran tahunan.
  - B Caj bayaran awal.
  - C Yuran penamatan perkhidmatan.
  - D Caj kewangan, yuran dan tempoh.
5. Apakah kesan perubahan kadar rizab terhadap bank perdagangan ?
- A Mengurangkan keuntungan bank.
  - B Melindungi kewangan dari pelbagai kerugian.
  - C Menyelesaikan pelbagai aduan berkenaan tuntutan takaful.
  - D Kemampuan bank perdagangan memberi pinjaman meningkat.
6. Di antara pernyataan berikut, yang manakah **benar** mengenai pengurusan sumber kewangan?
- A Hanya perbelanjaan tetap sahaja perlu diambil kira bagi memantau aliran kewangan.
  - B Pengurusan kewangan yang baik membabitkan matlamat kewangan jangka pendek dan panjang sahaja.
  - C Pengurusan kewangan keluarga bertujuan untuk mengelak pembaziran dan menyimpan demi masa depan.
  - D Seseorang perlu menyusun keutamaan perbelanjaan bermula dengan kehendak disusuli dengan keperluan.

7. Ciri-ciri pembiayaan peribadi adalah :

- i. tempoh pembiayaan singkat.
- ii. perkhidmatan dibiayai oleh pihak bank.
- iii. prosedur untuk permohonan lebih mudah.
- iv. memaksimumkan pulangan pelanggan dalam tempoh jangka panjang.

- A i dan iv  
B i, ii, dan iii  
C ii, iii dan iv  
D Semua di atas

8.

- Tahap kecairan rendah
  - Memerlukan modal yang besar
  - Risiko bergantung kepada lokasi

Pernyataan 1

Berdasarkan ciri-ciri dalam Pernyataan 1 di atas, apakah jenis pelaburan tersebut?

- A Pelaburan emas.  
B Pelaburan koperasi.  
C Pelaburan hartanah.  
D Pelaburan Tabung Haji.

9. Apakah akta yang terpakai bagi rangka kerja serta operasi pengawalseliaan takaful di Malaysia ?

- A Akta Takaful 1984.  
B Akta Syarikat 1965.  
C Akta Takaful 2013.  
D Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

10. Yang manakah di antara berikut merupakan tanggungjawab pengguna ?

- i. Saling menjamin.
- ii. Tanggungjawab sosial.
- iii. Kesedaran untuk mengktirik.
- iv. Tanggugjawab terhadap alam sekitar.

- A iii sahaja  
B ii dan iv  
C ii, iii dan iii  
D Semua di atas

[10 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Huraikan dengan ringkas **lima (5)** adab dalam hutang-piutang mengikut *syara'*.

(10 markah)

**SOALAN 2**

a. Berikan definisi kewangan peribadi.

(2 markah)

b. Jelaskan dengan ringkas **empat (4)** kepentingan kewangan peribadi.

(8 markah)

**SOALAN 3**

Huraikan **lima (5)** kepentingan membuat perancangan kewangan.

(10 markah)

**SOALAN 4**

a. Berikan definisi pengurusan risiko.

(2 markah)

b. Terangkan dengan ringkas istilah yang berikut :

- i. Perbelanjaan tetap
- ii. Bank Pusat
- iii. Kad kredit
- iv. Pelan Persaraan

(8 markah)

**[30 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Jelaskan dengan ringkas perbezaan di antara *Good debt* dan *Bad debt* dan sertakan **dua (2)** contoh yang bersesuaian.

(5 markah)

- b. Jelaskan dengan ringkas **lima (5)** fungsi bank perdagangan.

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Senaraikan **lima (5)** bank perdagangan konvensional yang berdaftar di Malaysia.

(5 markah)

- b. Huraikan **lima (5)** matlamat utama bank pusat seperti yang telah digariskan oleh Akta Bank Pusat Malaysia 2009.

(10 markah)

**SOALAN 3**

- a. Huraikan dengan ringkas **lima (5)** kesan terhadap seseorang jika tidak menguruskan kewangan peribadi dengan bijak.

(5 markah)

- b. Jelaskan **lima (5)** perbezaan di antara takaful dan insurans.

(10 markah)



**SOALAN 4**

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan sebuah institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Malaysia, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452) menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya melalui pengurusan simpanan mereka secara cekap dan boleh dipercayai.

Berdasarkan pernyataan di atas, jawab soalan yang berikut.

- a. Senaraikan **lima (5)** bentuk bayaran untuk caruman KWSP.

(5 markah)

- b. Huraikan **lima (5)** faedah yang diterima oleh ahli KWSP.

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

